

Belanjawan 2025

Antara Disiplin dengan Kemandirian Kewangan

Belanjawan 2025 menjadi satu daripada keputusan penting dalam merancang hala tuju ekonomi Malaysia dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Dalam merangka belanjawan, kerajaan mengambil pendekatan berhati-hati bagi memastikan keseimbangan antara disiplin fiskal dengan peruntukan yang mampu membantu rakyat serta sektor perniagaan. Hal ini penting kerana kerajaan turut berdepan dengan pelbagai pihak berkepentingan yang sentiasa memantau perkembangan kewangan negara. Antara pihak yang memainkan peranan penting dalam pemantauan tersebut termasuklah agensi penarafan kredit yang menilai status kewangan kerajaan dan menentukan penarafan kredit berdasarkan profil kewangan negara.

Secara umumnya, terdapat tiga agensi penarafan kredit utama yang sering mendapat liputan luas daripada media serta perhatian pelabur, iaitu S&P Rating, Moody's dan Fitch Rating. Ketiga-tiga agensi ini telah meletakkan penarafan kredit Malaysia pada tahap A-, A3 dan BBB+. Penarafan ini mencerminkan keupayaan kerajaan untuk melunaskan hutang atau dikenali sebagai risiko mungkir (credit risk).

Penarafan kredit disusun berdasarkan tahap risiko mungkir yang bermula daripada yang paling rendah hingga yang paling tinggi, iaitu AAA, AA+, AA, AA-, A+, A, A-, BBB+, BBB, BBB- dan seterusnya sehingga D yang menunjukkan risiko mungkir yang paling besar atau kegagalan peminjam membayar hutangnya.

Agensi ini menilai penarafan kredit berdasarkan beberapa parameter utama termasuklah defisit fiskal, nisbah hutang, imbalan pembayaran serta kualiti institusi yang melibatkan aspek tadbir urus dan perundangan. Berdasarkan faktor ini, jelas bahawa usaha mengecilkan defisit fiskal dan nisbah hutang adalah amat penting bagi memastikan Malaysia terus memperoleh penarafan yang baik.

Semakin tinggi penarafan kredit, semakin rendah risiko mungkir. Sebaliknya, semakin tinggi risiko mungkir, semakin besar kemungkinan kerajaan gagal membayar hutangnya. Keadaan ini pernah berlaku di negara seperti Greece pada tahun 2012, Argentina (2001) dan Russia (1998).

Apabila sesebuah negara gagal membayar hutang, mereka kebiasaannya akan mendapatkan bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Namun begitu, bantuan ini datang dengan syarat yang ketat seperti peningkatan kadar cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan. Situasi ini boleh dianggap sebagai mimpi ngeri kerana banyak dasar ekonomi negara terpaksa disesuaikan dengan syarat yang ditetapkan. Hal ini seolah-olah kehilangan "kemerdekaan" dalam menentukan hala tuju dasar ekonomi sendiri.

Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia perlu meletakkan harapan yang realistik terhadap peranan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi isi rumah dan peniaga. Kerajaan hanyalah suatu faktor dan pemudah cara dalam ekosistem ekonomi, bukan satu-satunya penentu kejayaan. Situasi ini boleh diibaratkan seperti sebuah bangku yang mempunyai empat tiang sebagai sokongan. Satu daripada tiangnya ialah kerajaan, manakala tiga lagi ialah pengguna, peniaga dan sektor luaran. Keempat-empat elemen ini perlu berkerjasama erat bagi memastikan kestabilan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan.

Kestabilan Politik Penentu Kejayaan Ekonomi

Dalam soal kestabilan, satu daripada aspek penting ialah kestabilan politik kerana politik dan ekonomi saling berkait rapat. Ahli politik

yang memenangi pilihan raya akan menjadi wakil rakyat di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan bertanggungjawab dalam proses pengubalan dasar. Sebahagian daripada mereka juga akan dilantik sebagai menteri atau timbalan menteri dalam pelbagai kementerian.

Dalam menggubal dasar, ahli politik sewajarnya mengangkat suara rakyat dan mengambil kira keperluan mereka. Isu seperti kenaikan kos sara hidup, peluang pekerjaan dan perniagaan serta aspek keselamatan sering menjadi perhatian kerana wakil rakyat berperanan membawa permasalahan ini ke Dewan Rakyat. Oleh itu, kestabilan politik merupakan prasyarat utama bagi memastikan kepimpinan negara dapat berfungsi secara efektif dan berkesan. Pada masa kini, kerajaan MADANI di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah berjaya mencapai kestabilan politik yang memungkinkan pelaksanaan pelbagai dasar reformasi demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Dalam Belanjawan 2025, Kementerian Kewangan sekali lagi mengesyorkan peruntukan terbesar dalam sejarah berjumlah RM421 bilion. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan mengurus dianggarkan sebanyak RM335 bilion, meningkat 4.2 peratus, manakala perbelanjaan pembangunan kekal pada paras RM86 bilion seperti tahun sebelumnya. Hasil kerajaan pula dijangkakan meningkat sebanyak 5.5 peratus kepada RM340 bilion dengan 76.3 peratus daripadanya disumbangkan oleh hasil percukaian.

Peluasan Cukai dan Rasionalisasi Subsidi dalam Meningkatkan Pendapatan Kerajaan

Suatu perkara yang menarik perhatian dalam belanjawan kali ini ialah peluasan skop cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Pada tahun ini, cukai jualan bagi barangan bukan keperluan seperti barangan import premium akan dinaikkan. Selain itu, skop cukai perkhidmatan akan diperluas merangkumi perkhidmatan komersial antara perniagaan. Langkah ini dijangkakan meningkatkan kutipan SST kepada RM47 bilion berbanding dengan RM41 bilion pada tahun 2024. Dengan nisbah kepada jumlah hasil sebanyak 13.8 peratus pada tahun ini berbanding dengan 12.7 peratus pada tahun 2024, sumbangan SST mencatatkan tahap tertinggi dalam sejarah. Hal ini menunjukkan peningkatan kebergantungan

Aspek kelestarian alam turut diberikan perhatian dalam belanjawan kali ini dengan pengenalan Cukai Karbon ke atas industri besi, keluli dan tenaga yang akan berkuat kuasa pada tahun 2026.

kerajaan terhadap cukai tidak langsung.

Pemerhatian menunjukkan kerajaan berhati-hati dalam strategi meningkatkan hasil cukai. Walaupun terdapat harapan agar cukai barangan dan perkhidmatan (GST) diperkenalkan semula, kerajaan memilih pendekatan lebih seimbang dengan memperluas skop SST bagi mengekalkan keharmonian dalam pelaksanaan dasar reformasi. Selain itu, rasionalisasi subsidi bahan api RON95 dijangkakan akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini dengan

penjimatan dianggarkan mencecah RM8 bilion. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan manfaat subsidi pukal yang lebih banyak dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi serta bagi membanteras penyeludupan bahan api akibat perbezaan harga dengan negara jiran.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan rasionalisasi subsidi ini dijangkakan memberikan kesan terhadap kadar inflasi. Menurut unjuran Kementerian Kewangan, kadar inflasi dijangkakan berada dalam lingkungan 2.0 peratus hingga 3.5 peratus pada tahun ini berbanding dengan 1.5 peratus hingga 2.0 peratus pada tahun 2024.

Aspek kelestarian alam turut diberikan perhatian dalam belanjawan kali ini dengan pengenalan Cukai Karbon ke atas industri besi, keluli dan tenaga yang akan berkuat kuasa pada tahun 2026. Dari sudut kesihatan pula, duti eksais bagi minuman bergula dinaikkan sebanyak 40 sen seliter secara berfasa bermula dari 1 Januari 2025. Perkara ini menunjukkan bahawa instrumen cukai bukan sahaja berfungsi untuk meningkatkan hasil kerajaan tetapi juga sebagai alat untuk menangani ketidakseimbangan dalam ekonomi.

Sebagai contoh, pelepasan gas karbon telah dikenal pasti sebagai punca pemanasan global yang membawa kepada perubahan cuaca ekstrem seperti kemarau yang berpanjangan, hujan lebat serta kenaikan paras air laut yang boleh mengancam kawasan daratan. Oleh itu, cukai ini bertindak sebagai insentif untuk menggalakkan industri mengurangkan pelepasan gas karbon dengan beralih kepada operasi yang lebih mesra alam.

Begitu juga dengan kenaikan duti eksais gula yang akan menyebabkan peningkatan harga minuman bergula dan dijangkakan akan mengurangkan permintaan terhadap produk

tersebut. Langkah ini bertujuan untuk mengawal penyebaran penyakit tidak berjangkit seperti diabetes yang semakin membimbangkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sekiranya masalah ini tidak ditangani boleh memberikan kesan kepada produktiviti negara akibat peningkatan jumlah pesakit kronik.

Inisiatif Kerajaan dalam Memperkasakan Sektor dalam Ekonomi

Kerajaan turut memberikan perhatian terhadap sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang menjadi tunjang ekonomi negara. Sebanyak RM32.4 bilion diperuntukkan melalui pelbagai agensi kerajaan bagi meningkatkan akses pembiayaan PMKS. Antaranya termasuklah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) yang menyediakan jaminan pembiayaan sektor perbankan berjumlah RM20 bilion dengan RM5 bilion daripadanya disasarkan kepada PMKS bumiputera. Selain itu, usaha untuk meningkatkan daya saing PMKS turut diperkukuh melalui penerapan digitalisasi dan automasi bagi memastikan perniagaan lebih berdaya saing pada masa hadapan.

Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan perhatian terhadap peruntukan pembangunan bagi Sabah dan Sarawak. Untuk tahun ini, Sabah diperuntukkan sebanyak RM6.7 bilion manakala Sarawak menerima RM5.9 bilion. Selain itu, peruntukan khas turut dinaikkan sekali ganda daripada RM306 juta pada tahun 2024 kepada RM600 juta pada tahun ini. Peningkatan ini jelas mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan strategi pembangunan negara bersifat inklusif dan meluas. Kemajuan yang seimbang di semua negeri akan memberikan manfaat kepada seluruh rakyat, selain membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan yang menjanjikan pulangan yang baik.

Menariknya, kerajaan juga komited untuk tidak melaksanakan projek mega. Pengumuman ini harus dilihat dari sudut positif memandangkan dunia kini semakin beralih kepada penggunaan teknologi yang dapat mengurangkan kebergantungan pada infrastruktur fizikal yang besar. Selain itu, projek mega lazimnya memerlukan import bahan binaan yang tinggi dan perkara ini boleh memberikan kesan negatif kepada imbalan pembayaran negara. Sekiranya nilai import barangan berskala besar ini meningkat secara mendadak akan berpotensi menyebabkan aliran keluar mata wang yang tinggi dan memberikan impak kepada nilai ringgit.

Berkaitan dengan isu aliran keluar wang dari negara, belanjawan pada kali ini turut menyentuh mengenai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja asing. Seperti yang dijangkakan, ada majikan yang bimbang mengenai peningkatan kos operasi kerana mereka

perlu menanggung caruman majikan bagi setiap pekerja asing yang digajikan. Namun begitu, dari segi pelaksanaan, dasar ini bertujuan untuk melindungi kebajikan pekerja apabila mereka bersara kelak.

Langkah tersebut dilihat positif oleh negara Asia yang menjadi sumber utama tenaga kerja asing di Malaysia kerana kerajaan menunjukkan keprihatinan dalam menyediakan jaminan sosial kepada rakyat mereka. Hal ini bukan sahaja mewujudkan suasana hubungan yang lebih baik, malah memudahkan majikan di Malaysia mendapatkan tenaga kerja asing pada masa akan datang.

Selain itu, caruman KWSP bagi pekerja asing juga boleh membantu mengurangkan aliran keluar wang negara yang kini melebihi RM30 bilion setahun. Sekiranya diambil kira kadar caruman pekerja sebanyak 11 peratus daripada jumlah tersebut, sekitar RM3.3 bilion setahun akan disimpan dalam KWSP. Dana ini bukan sahaja membantu menstabilkan nilai ringgit, malah meningkatkan dana persaraan KWSP yang boleh dilaburkan di dalam dan di luar negara bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sektor pelancongan turut mendapat perhatian dalam belanjawan kali ini terutamanya menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026. Negara kini sudah mula menerima peningkatan ketara kemasukan pelancong asing. Dalam tempoh lapan bulan pertama pada tahun 2024, sebanyak 16.5 juta pelancong asing direkodkan yang meningkat daripada 12.7 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2023, iaitu kenaikan 29.5 peratus. Sumber pelancong utama yang mencatatkan pertumbuhan pesat adalah dari negara China (191 peratus), Indonesia (23.1 peratus) dan Singapura (10.2 peratus) dengan masing-masing menyumbang 1.5 juta orang, 1.8 juta orang dan 4.3 juta pelancong. Berdasarkan momentum ini, kerajaan perlu terus memperkukuh sektor pelancongan bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan serta memberikan impak positif kepada ekonomi negara.

Bagi merealisasikan matlamat ini, kerajaan telah memperuntukkan RM400 juta bagi kempen promosi Tahun Melawat Malaysia 2026, menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di Asia. Selain itu, infrastruktur di kawasan tarikan pelancongan turut dipertingkatkan bagi memastikan keselesaan pelancong. Dalam hal ini, kerajaan telah memperuntukkan RM110 juta untuk menaik taraf kemudahan di lokasi seperti Taman Negara Endau Rompin, Johor; Pulau Redang, Terengganu dan Pantai Tusan Berkenu, Sarawak. Peruntukan ini diharapkan dapat membantu pengusaha industri pelancongan untuk meningkatkan daya saing serta ketahanan dalam menghadapi cabaran terutamanya persaingan dari negara Asia yang lain.

Dalam aspek ekonomi digital, kerajaan terus komited menyokong usahawan sama ada berskala kecil mahupun besar dalam menaik taraf operasi berasaskan digital. Bagi tujuan ini, geran padanan sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Daripada jumlah tersebut, RM5 juta disalurkan kepada Dana Pemacu Pelaburan Domestik (DIAF) bagi syarikat tempatan manakala RM15 juta diperuntukkan kepada Dana Pemacu Pelaburan Langsung Asing (FIAF) bagi Syarikat Multinational Corporation (MNC).

Selain itu, kerajaan turut mengumumkan Geran Padanan Digital PMKS dan Geran Digital Penjaja di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam Belanjawan 2025. Langkah ini bertujuan untuk memastikan usahawan tempatan dapat meningkatkan daya saing dan terus berkembang dalam era digital yang semakin pesat.

Oleh itu, usaha kerajaan dalam memastikan rakyat dan peniaga dapat meningkatkan taraf kehidupan merupakan suatu usaha yang berterusan. Sudah pasti usaha ini memerlukan dana yang besar sekali gus menuntut kerajaan agar lebih berhati-hati dalam merancang perbelanjaan. Langkah menaikkan cukai atau memperkenalkan cukai baharu serta penyelarasan perbelanjaan perlu dilakukan bagi memastikan pengurusan kewangan negara lebih efisien.

Dengan peningkatan hasil dan perbelanjaan yang dioptimumkan, defisit fiskal dapat dikurangkan secara beransur-ansur.


Bantuan Kerajaan kepada Rakyat

Kerajaan terus menyalurkan lebih banyak bantuan kepada rakyat hasil daripada peluasan ruang dasar fiskal. Untuk rekod, Belanjawan 2025 dijangkakan mencatatkan defisit fiskal berjumlah RM80 bilion atau 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding dengan defisit RM84 bilion atau 4.3 peratus daripada KDNK pada tahun 2024. Melalui Belanjawan 2025, kerajaan telah memperuntukkan RM13 bilion bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang dijangkakan akan memberikan manfaat kepada sembilan juta rakyat Malaysia. Jumlah ini mewakili 52 peratus daripada tenaga buruh negara yang kini berjumlah 17.2 juta orang pada setakat Ogos 2024.

Selain itu, jumlah penerima SARA juga dijangkakan meningkat secara signifikan pada tahun ini dengan mencecah 4.1 juta orang berbanding dengan 700 ribu orang pada tahun 2024. Peningkatan sebanyak 486 peratus ini mewakili 23.8 peratus daripada jumlah guna tenaga negara dengan penerima wang tunai sebanyak RM100 sebulan selama 12 bulan pada tahun ini.

Di samping itu, Bantuan Awal Persekolahan (BAP) turut diperuntukkan sebanyak RM800 juta bagi tahun ini. Bantuan ini diberikan kepada para pelajar dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima tanpa mengira latar belakang ekonomi. Oleh itu, BAP bersifat inklusif dan menjadi bukti komitmen kerajaan dalam meringankan beban kewangan rakyat sebaik mungkin.

Secara keseluruhannya, kerajaan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara, pencipta peluang dan pelindung kesejahteraan rakyat agar mereka dapat hidup dalam keadaan aman dan makmur. Setiap perkhidmatan yang disediakan memerlukan tenaga buruh, bahan mentah, teknologi serta pelbagai input lain yang memerlukan sumber kewangan. Oleh itu, kerajaan perlu merancang perbelanjaan secara bijak bagi memastikan keperluan ini dapat dipenuhi.

Sehubungan dengan itu, hasil kerajaan perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan defisit fiskal serta mengekalkan kadar keberhutangan yang terkawal. Langkah konsolidasi fiskal ini perlu dilihat secara positif kerana membolehkan kerajaan memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan untuk rakyat dan sektor perniagaan. Oleh itu, rakyat disarankan untuk merebut segala peluang yang tersedia dan terus berusaha meningkatkan taraf kehidupan diri serta keluarga. 

Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid merupakan Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad.